



Nama: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

1) Twitter Account

Twitter Handle: @ASNBTweet

Twitter Bio: Akaun Twitter rasmi ASNB bagi aktiviti promosi. Sebelum berinteraksi, sila baca Panduan Penglibatan kami <link kepada page di website ASNB>

2) Facebook Account

FB Bio: Akaun Facebook rasmi ASNB bagi aktiviti promosi. Sebelum berinteraksi, sila baca Panduan Penglibatan kami <link kepada page di website ASNB>

3) Instagram Account

IG Handle: @ASNBIInsta

IG Bio: Akaun Instagram rasmi ASNB bagi aktiviti promosi. Sebelum berinteraksi, sila baca Panduan Penglibatan kami <link kepada page di website ASNB>

Panduan Penglibatan

- Segala *tweet* dan paparan hanya akan melibatkan aktiviti-aktiviti promosi dan kempen ASNB. Kami juga akan, dari semasa ke semasa, berkongsi bahan-bahan berdasarkan pendidikan yang berkaitan dengan perancangan kewangan, jadi ikuti kami untuk maklumat terkini.
- Kami akan melakukan yang terbaik untuk membaca dan membala semua *tweet*, komen dan mesej langsung yang relevan dengan produk dan perkhidmatan ASNB dan hanya jika kami mampu memberi maklum balas tanpa menyalahi undang-undang, kerahsian, dan lain-lain perkara sensitif.
- Kami akan memberi maklum balas dari hari Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali cuti umum.
- Dalam maklum balas kami, kami mungkin akan menyambungkan anda ke lain-lain saluran komunikasi ASNB, seperti telefon atau emel, untuk informasi yang lebih terperinci.
- Kami berhak untuk menyingkirkan segala *tweet* atau komen yang mengandungi unsur-unsur negatif atau perkara-perkara tidak bermoral dan/atau bahasa yang tidak sesuai tanpa memberitahu pengguna tersebut terlebih dahulu.
- Jangan dedahkan maklumat peribadi dan maklumat akaun di dalam mana-mana *tweet*, komen atau mesej langsung.
- *Tweet* semula dan paparan yang dikongsikan tidak menandakan sokongan (samada tersurat atau tersirat) dari pihak ASNB.
- Keputusan ASNB untuk mengikuti mana-mana pengguna Twitter atau Instagram, atau laman Facebook tidak menandakan apa-apa pengesahan sama sekali.

- Kemunculan mana-mana pengguna sebagai pengikut ASNB juga tidak menandakan sebarang pengesahan. ASNB hanya akan menyingkirkan atau menyekat pengikut yang secara jelas adalah robot Internet atau secara berterusan *tweet* atau komen perkara-perkara yang menyalahi undang-undang dan/atau perkara-perkara sensitif.
- Terdapat sesetengah kakitangan ASNB yang *tweet* atau membuat paparan menggunakan nama atau nama pengguna sendiri. Walaupun mereka mempunyai hubungan profesional dengan ASNB, segala *tweet* dan paparan mereka tidak menggambarkan pandangan rasmi ASNB, dan perlu dianggap sebagai pandangan individu .
- Untuk sebarang pertanyaan berkaitan produk dan perkhidmatan ASNB, kami menggalakkan anda untuk menggunakan yang berikut:
 - Hotline : 03-2057 3000
 - Faks : 03-2050 5220
 - Emel : asnbcare@pnb.com.my